

**ENAKMEN 7 TAHUN 2002
ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

BAHAGIAN II - MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA

Seksyen 24. Permohonan cuti oleh Pengerusi dan anggota lain.

(1) Jika Pengerusi menjangka dia akan tidak berada di Malaysia selama lebih daripada tiga puluh hari, dia hendaklah memohon cuti daripada Yang di-Pertuan Agong dan Yang di-Pertuan Agong boleh memberikan apa-apa arahan sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Jika mana-mana anggota Majlis menjangka dia tidak akan berada di Malaysia selama lebih daripada tiga puluh hari, dia hendaklah memohon cuti daripada Pengerusi.
